



Ceramah

**Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Di Majlis Ilmu 2020
Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 Tahun**

MENSYUKURI NI'MAT KESIHATAN SEBAGAI ANUGERAH ALLAH

**Pada Hari Selasa,
29 Rabiulakhir 1442H Bersamaan 15 Disember 2020M**

**Bertempat Di Masjid Omar 'Ali Saifuddien
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdu Lillah wasysyukru Lillah. Kita memuji dan mensyukuri Allah atas segala ni'mat-Nya yang banyak.

Dan kita diberitahukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerusi firman-Nya bahawa sekalipun kita cuba menghitung dan mengira banyaknya ni'mat itu namun tidak akan terhitung dengan kiraan angka dan tidak akan menemukan berapa jumlahnya:

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

Mafhumnya: "Dan jika kamu menghitung ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

[Surah An-Nahl:18]

Tajuk ceramah ini ada menyebut kalimat *ni'mat* itu dan disebutkan satu daripadanya ialah *ni'mat kesihatan*.

Sementara tema Majlis Ilmu yang kita sambut tahun ini ialah *Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah*.

Maka dari awal lagi kita sudah mengakui bahawa *kesihatan itu adalah suatu ni'mat anugerah Allah. Dan kita mensyukurinya*.

'Ulama-'ulama berpendapat bahawa antara ni'mat Allah yang tidak terkira banyaknya itu, *ni'mat sihat* atau *kesihatan* adalah ni'mat yang terbesar selepas *ni'mat iman kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala* dan *ni'mat Islam*.

Islam mengakui bahawa kesihatan adalah *keperluan asasi bagi setiap orang atau individu*. Ia bukan perkara *luxury* kepada manusia.

Dari sudut pandang Pertubuhan Kesihatan Sedunia – W.H.O pula kesihatan adalah *hak hidup seseorang*. Sudut pandang W.H.O ini dapat difahamkan sebagai selaras dengan maksud bahawa kesihatan adalah perkara keperluan asasi manusia, bukan perkara luxury.

W.H.O merakamkan ke dalam *preamble* Konstitusinya sejak tahun 1946 yang dirumuskan dalam *International Health Confrence* yang diadakan di New York bahawa “Kesihatan adalah suatu keadaan yang penuh sempurna – bagi seseorang individu - baik fisik, mental mahupun sosialnya, tidak hanya terlepas dari penyakit atau cacat”.

(Health is a state of complete physical, mental and social well-being and not merely the absence of disease or infirmity).

Dikatakan bahawa konsep atau maksud kesihatan W.H.O ini adalah juga dalam cakupan atau *scope* yang luas.

Gambaran kesihatan itu suatu keperluan asasi, bukan luxury bagi manusia telah disebutkan oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dalam sebuah hadits riwayat at-Termizi:

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سِرِّهِ مُعَافًى فِي جَسَدِهِ عِنْدَهُ قُوتٌ يَوْمَهُ فَكَأَنَّمَا حِيزَتْ لَهُ الدُّنْيَا

Maksudnya: “Barangsiapa yang berada di waktu pagi dalam keadaan aman tenteram dalam rumahtangganya, sihat tubuh badannya, memiliki bekalan makanan yang cukup untuk hari itu, maka seolah-olah dikumpulkan seluruh apa yang ada di dunia ini untuknya”.

[Sunan at-Tirmidzi]

Gambaran yang dibuat oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* memberikan makna dan maksud yang juga luas cakupannya iaitu keadaan seseorang aman tenteram keamanan dalam rumahtangganya, berkeadaan sihat ‘afiat sepenuhnya, mempunyai makan minum yang cukup.

Tujuannya ialah bagi menjaga keselamatan nyawa manusia, fisikal dan mental (jasmani dan rohani) daripada ancaman penyakit-penyakit dan punca-puncanya atau sebab-sebabnya sehinggalah manusia dapat hidup aman sejahtera sihat ‘afiat jasmani dan rohaninya - yang biasa kita sebut *sihat sejahtera zahir dan batin, fizikal dan mental - spritual* dengan mengadakan langkah-langkah perlindungan, cara pengubatan dan bahan-bahan ubat.

Maka bagi maksud itu syari'ah Islam mengadakan keadah-kaedah 'am.

Kaedah-kaedah 'am yang disediakan oleh syari'ah Islam antaranya ialah:

1. Untuk menghindarkan jangkitan wabak maka dibuat larangan mendatangi wilayah atau negeri yang sedang dilanda wabak penyakit dan penduduknya dilarang keluar.
2. Saranan mencuci tangan dengan air selepas tidur dan menjadikannya sebahagian daripada perintah wajib mencuci kedua belah tangan hingga ke siku dalam berwudhu' adalah bertujuan membersihkan kotoran bahkan menghindari jangkitan kuman.

Kedua-dua contoh kaedah 'am yang disediakan oleh syari'ah Islam ini ternyata selaras dengan langkah-langkah pencegahan jangkitan penyakit seperti menjadikannya sebahagian SOP *Lockdown* dan SOP nyah kuman atau sanitasi pencegahan virus seperti virus COVID-19 yang sedang melanda dunia sekarang.

3. Cara pengubatan seperti berbekam dan bahan-bahan ubat seperti madu, habbatus sauda, air dan ramuan-ramun yang lainnya.

Perkara ketiga ini juga mestilah dilihat dan difahami berupa kaedah am, dan pengamalan dan penggunaannya memerlukan pengolahan yang memerlukan pula kajian dan seterusnya pengembangan sebagai sebahagian daripada ilmu dan praktis penjagaan kesihatan.

Seruan Supaya Setiap Penyakit Dicarikan Obatnya.

Junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* menyerukan supaya setiap penyakit diatasi dengan berubat.

Seketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* diziarahi oleh sekumpulan orang-orang yang disebut *Al-A'arab* iaitu orang-orang 'Arab pedalaman, mereka bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتَدَاوَى؟ فَقَالَ: «تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَصْغِ دَاءٌ إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً، غَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٍ الْهَرَمُ»

“Wahai Rasulullah! Apakah kami (jika) sakit boleh dan perlu berubat?” Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menjawab: “Ya! Hendaklah kamu

berubat (mengatasi penyakit). Sesungguhnya Allah tidak mengadakan penyakit melainkan Allah juga mengadakan penyembuhnya (ubatnya) kecuali satu". Mereka segera bertanya: "Wahai Rasulullah! Apa dia yang satu itu?" Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* memberitahu mereka: "Penyakit tua". Yakni semua penyakit ada ubatnya melainkan penyakit tua yang membawa maut.

[Hadith riwayat Abu Daud]

Dengan itu jelas bahawa Islam tidak sahaja melindungi keselamatan perkara kebatinan manusia dan 'aqidahnyanya daripada penyakit-penyakit dan daripada perkara-perkara dan unsur-unsur yang mengelirukan dan menyesatkan. Bahkan Islam adalah juga mengambil berat akan kepentingan kesihatan dengan menganjurkan supaya penyakit diatasi dengan berubat.

Dan dalam sebuah hadits riwayat Al-Imam Al-Baihaqi yang juga dapat menjelaskan tentang kepentingan kesihatan itu sebagai ni'mat anugerah Allah yang wajib disyukuri ialah apabila Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* memperingatkan seorang pemuda dengan bersabda:

اَغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ، شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

Maksudnya: "Jagalah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sehatmu sebelum datang masa sakitmu, waktu luangmu sebelum datang waktu sibukmu, waktu kayamu sebelum datang masa miskinmu, masa hidupmu sebelum datangnya kematianmu".

[Hadith riwayat al-Baihaqi]

Maksud Bersyukur dan Mensyukuri Ni'mat Allah.

Maka untuk mensyukuri ni'mat kesihatan itu sebagai anugerah Allah kita cubalah memahami maksud bersyukur dan mensyukuri ni'mat Allah itu.

'Ulama mengatakan bahawa hakikat syukur itu adalah *memuji* orang yang berbuat baik dengan cara mengingat kebaikannya lalu mengucapkan terima kasih kepadanya.

Kesyukuran semacam ini adalah dalam lingkungan sesama hamba Allah. Kita berterima kasih sesama kita atas budi dan jasa baik antara sesama kita. Dan kita saling mengenang dan saling membalasnya.

Adapun syukur seseorang hamba Allah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ia atas anugerah ni'mat-Nya ialah dengan memuji sepenuh dan seikhlas hati mengingat kebaikan Allah yang melimpahkan anugerah. Lalu diluahkan rasa syukur kepada Allah itu dengan memuji-Nya menyebut *alhamdu Lillah*.

Dalam masa yang sama rasa syukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu diikuti dengan kemahuan akan menggunakan ni'mat anugerah-Nya itu sesuai dengan tujuan Allah menganugerahkannya.

Dan itulah maknanya kita menghargakan ni'mat dengan mengenang kebaikan Allah memberi kita ni'mat dan kita gunakan ni'mat itu selayaknya sesuai dengan tujuannya.

Itulah *hakikat syukur* kepada Allah, hakikat mensyukri ni'mat anugerah Allah.

Dari sudut pandang ilmu tasawuf mengenai *hakikat syukur* itu, menurut Imam Al-Ghazali (lahir pada tahun 450 Hijrah dan meninggal pada tahun 505 Hijrah) adalah suatu yang paling tinggi *maqam* atau *darjat* atau *tarafnya* melebihi darjat atau taraf *sabar* ketika ditimpa musibah dan darjat atau taraf *takut (al-khauf)* kepada Allah dan lain-lainnya. Kerana itu menurutnya lagi cara bersyukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ada tiga:

- Pertama* - Bersyukur dengan hati iaitu mengakui dan menyedari sepenuhnya bahawa segala ni'mat yang diperolehi adalah berasal daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang berkuasa memberikan atau menarik kembali ni'mat itu;
- Kedua* - Bersyukur dengan lidah iaitu mengucapkan secara jelas ungkapan rasa syukur itu dengan kalimat atau perkataan *alhamdu Lillah (segala puji bagi Allah)*; dan
- Ketiga* - Bersyukur dengan amal perbuatan iaitu menggunakan ni'mat Allah dengan sebaik-baiknya sesuai dengan tujuan penganugerahannya.

Seterusnya Imam Al-Ghazali menyebutkan contoh, iaitu ni'mat anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berupa tubuh badan yang terdiri daripada tujuh anggota iaitu *mata, telinga, lidah, tangan, perut, alat kelamin, dan kaki*. Kesemuanya adalah untuk digunakan dengan baik, dijaga dengan cara baik, bagi hal-hal yang baik, dan memanfaatkannya sesuai ajaran Allah.

Itu contoh ni'mat Allah berupa tubuh badan. Maka kita fahamkan daripadanya tentang ni'mat Allah berupa kesihatan dan kesempurnaan tubuh badan yang sihat yang kesemuanya dapat berfungsi dengan baik.

Jangan lupa bahawa ni'mat kesihatan adalah ni'mat Allah yang utama selepas *ni'mat iman kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala* dan *ni'mat Islam*.

Begitulah dengan ni'mat-ni'mat lain. Segala ni'mat yang tidak terhitung banyaknya itu sebahagiannya dianugerahkan oleh Allah kepada kita dalam suka duka kehidupan kita yang kita tempuh dan alami adalah dengan izin-Nya jua.

Kita memiliki tujuh anggota tubuh badan dan ada banyak lagi yang kita miliki sebagai anugerah Allah. Ada yang nyata dapat dilihat dengan mata, banyak atau sedikit, kurang atau lebih. Dan ada banyak lagi yang tidak dapat dilihat namun dapat dirasai: suka duka, susah senang, derita dan bahagia dan apa saja yang pasti tidak terkira banyaknya. Semuanya itu ditentukan oleh Allah untuk kita miliki, kita rasai dan kita ni'mati dengan izin-Nya dan untuk disyukuri.

Demikian itulah hakikat syukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, mensyukuri-Nya dan mensyukuri ni'mat anugerah-Nya.

Itu menepati makna menghargakan ni'mat, tidak mensia-siakannya, menggunakannya dengan baik, mengambil faedah daripadanya, tidak menyalah-gunakannya.

Semuanya wajib kita kenang bahawa sesuatu ni'mat itu adalah limpah kurnia Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Kita ingat dan kita kenang. Artinya kita tidak melupakannya sebagai anugerah Allah untuk disyukuri dengan memanfaatkannya secara yang baik.

Begitulah selayak dan sewajarnya bahkan sewajibnya kita mensyukuri ni'mat kesihatan sebagai anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Tidak memanfaatkan Ni'mat Allah Dengan Baik.

Tetapi ramai orang dikatakan melupakan *ni'mat kesihatan* sebagaimana juga mereka melupakan *ni'mat masa lapang*.

Yang mengatakan sedemikian itu ialah Junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Mari kita rujuk hadits riwayat Al-Imam Bukhari daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*:

نِعْمَتَانِ مَغْبُورٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ: الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Maksudnya: “Dua nikmat yang ramai orang tidak memanfaatkannya dengan baik, iaitu nikmat sehat dan waktu lapang”.

Dalam riwayat ini kita dapati dua hal.

Pertama: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengkhabarkan ada ramai orang tidak memanfaatkan dengan baik ni'mat sihat atau kesihatan, sebagaimana juga ada ramai orang tidak memanfaatkan dengan baik ni'mat masa lapang.

Kedua: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menyatakan kesal dan walang, atau dukacita terhadap sikap ramai orang tidak memanfaatkan kedua-dua ni'mat tersebut.

Ringkasnya dapat difahamkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam mengkhabarkan perihal *ramai orang* atau kebanyakan orang tidak memanfaatkan ni'mat sihat atau kesihatan dan ni'mat masa lapang itu dalam masa yang sama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* juga menaruh rasa kesal terhadap sikap dan perbuatan mereka yang tidak memanfaatkan kedua-dua ni'mat tersebut.

Kesal itu juga merupakan rasa dukacita dan rasa walang bahkan rasa kecewa, hampa, *disappointed*.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengkhabarkannya itu dengan rasa sedemikian rupa ialah kerana kedua-duanya adalah ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang utama selepas ni'mat iman kepada Allah dan ni'mat Islam.

Tentulah sikap atau perbuatan mensia-siakan kedua ni'mat Allah yang utama sedemikian itu tidak wajar, tidak layak dan tidak patut terjadi. Tambahan pula ia boleh membawa kepada fahaman, sikap dan perbuatan *kufur ni'mat iaitu* tidak mensyukuri ni'mat.

Risiko Kufur Ni'mat.

Fahaman, sikap atau perbuatan mengkufuri ni'mat Allah boleh mendatangkan risiko kemurkaan Allah. Dan kemurkaan Allah itu sama ada dengan menarik balik ni'mat itu, atau menjadikannya sebab mengenakan balasan azab iaitu dengan menjadikan ni'mat itu sebagai *istidraj* iaitu *dipeturut* dengan *mendulur* sampai menjadikan yang menikmatinya tenggelam dalam ni'mat lalu terdorong menyalahgunakannya dan melakukan hal-hal dan perkara-perkara yang jahat, yang zalim terhadap dirinya atau terhadap orang lain.

Maka hal itulah yang mendukacitakan dan dikesali oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Seterusnya sikap, fahaman dan perbuatan mengkufuri ni'mat itu akan membawa ke tahap melupakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang ampunya ni'mat, yang menganugerahkan dan mengizinkan sesuatu ni'mat itu sampai kepada hamba-Nya. Dan akhirnya akan sampai ke tahap melupakan Allah dalam semua hal kehidupan.

Bayangka betapa Junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* sampai berasa kesal sedemikian itu. Rasulullah itu dukacita, walang, hampa kecewa, *disappointed* terhadap ada ramai orang mensia-siakan dua ni'mat iaitu ni'mat sehat atau kesihatan dan ni'mat masa lapang.

Ni'mat Masa Lapang.

Sebagaimana ramai orang mensia-siakan ni'mat sehat atau kesihatan dalam artikata tidak mensyukurinya maka begitulah apabila mereka mensia-siakan masa lapang. Mereka tidak menggunakannya atau memanfaatkannya. Dan kalau pun masa lapang itu dimanfaatkan atau digunakannya namun digunakaan dengan tidak mengingatnya sebagai ni'mat anugerah Allah maka mudah sahaja ia disalah gunakan. Dan itulah antara unsur-unsur yang disebut oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa kita manusia makhluk-Nya ini sentiasa menanggung kerugian dalam kontek penggunaan masa.

Dalam surah al-'Ashr yang pendek keseluruhan tiga ayatnya Allah memulakan firman-Nya dengan *uslub* iaitu *style* atau bentuk rangkaian kata bersumpah iaitu *al-qasam* dengan kalimat *wal'ashr* yakni *demi masa*.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا
بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Mafhumnya: *“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih, dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar”.*

[Surah al-‘Ashr: 1-3]

Firman Allah itu merujuk kepada kepentingan *masa* yang meliputi waktu malam dan siang yang pasti berlalu menurut edarannya.

Dalam dua puluh empat jam malam - siang itu (menurut kiraan kita di *planet* bumi) kita manusia akan menjalani kehidupan. Dalam waktu itulah ada masa lapang atau masa yang dilapangkan dari kegiatan rutin seharian yang disebut oleh Allah diuntukkan bagi tujuan-tujuan *لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا* dalam firman-Nya ayat 73 surah al-Qasas.

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* telah mengaturkan malam - siang itu silih berganti yang merupakan sebahagian daripada rahmat-Nya untuk disyukuri. Di dalamnya ada masa berehat dan ada masa untuk berusaha mencari dan mendapatkan rezeki dari limpah kurnia Allah. Semuanya itu supaya disyukuri dengan memanfaatkannya sebaik-baiknya. Dan dicelah-celah masa dua puluh empat jam siang malam yang ditentukan oleh Allah tujuannya itu tentu pula ada waktu-waktu yang dilapangkan dan menjadi masa lapang. Maka waktu yang sedmikian itulah sama pentingnya untuk dimanfaatkan, dipergunakan dengan baik, tidak disia-siakan, tidak disalah gunakan.

وَمِنْ رَّحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۚ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

Mafhumnya: *“Dan antara rahmat-Nya, Dia menjadikan kamu malam dan siang supaya kamu dapat beristirahat padanya (waktu malam) dan dapat mencari rezeki daripada limpahan kurniaNya (pada waktu siang) dan mudah-mudahan kamu bersyukur”.*

[Surah al-Qasas:73]

Maka adalah jelas bahawa kita manusia ini dalam setiap hari kehidupan berlangsung adalah terdedah kepada kerugian jika tidak mengisi dan tidak mengaturkan masa dengan baik, membiarkannya berlalu.

Jadi dengan sebab itulah apabila masa lapang yang merupakan ni'mat anugerah Allah itu juga dilupakan atau disia-siakan ianya sangat dikesali dan mendukacitakan. Dikesali dan mendukacitakan kerana ia berupa *kufur ni'mat* yang mendatangkan risiko akibat perbuatan, sikap dan fahaman tidak bersyukur kepada Allah. Ia merupakan kesombongan, tidak mengenang budi yang seterusnya menjadikan seseorang individu mementingkan diri sendiri, membesar-besarkan diri, *takabbur* yang akhirnya menjadi orang yang lupa daratan.

Dalam hal mensyukuri dan mengkufuri ni'mat itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjanjikan sambil mengingatkan bahawa jika ni'mat-Nya disyukuri niscaya akan ditambahnya lagi. Sebaliknya jika ni'mat-Nya dikufuri sesungguhnya azab siksa-Nya adalah sangat pedih. Firman-Nya ayat 7 Surah Ibrahim:

لِّئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلِئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Mafhumnya: *"Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'matKu) tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azabKu sangat keras"*.

Sebab jika sesuatu ni'mat tidak disyukuri yakni tidak dihargakan, dan tambahan lagi jika dalam tidak mensyukuri, tidak menghargakannya itu seseorang terdorong bersikap sombong terhadap Allah yang menganugerahkan ni'mat, maka sikap sedemikian boleh mengundang kemurkaan Allah.

Kemurkaan Allah terhadap sikap dan perbuatan tidak mensyukuri ni'mat-Nya boleh mengundang akibat buruk kepada individu atau kaum bangsa di sesebuah negeri.

Dalam aspek kesihatan tidak mensyukurinya berarti seseorang itu mengabaikan kesihatan dirinya, menjadikannya berpenyakit.

Dan sekalipun dia mengambil berat menjaga baik kesihatannya namun apabila dia tidak mengenangkan sehat atau kesihatannya itu merupakan ni'mat Allah maka sedemikian itu boleh berakibat buruk kepada individu berkenaan dan kepada mesyarakat, kaum dan bangsa akan ditimpa rasiko sekiranya mereka juga bersikap, berperangai dan berfahaman yang sama mengkufuri ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Pada fahaman individu yang tidak mensyukuri ni'mat kesihatan itu dia berkeadaan sihat 'afiat adalah kerana dia menjaganya dengan mengawal makan minumannya, cukup riha, bersenam dan bersukan yang sistematik dan lain-lain lagi bagi orang yang perihatin dengan kesihatan dirinya. Ternyata fahaman itu adalah fahaman mengkufuri bahawa kesihatan adalah sebahagian daripada ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepadanya sekalipun menerusi usahanya menjaga kesihatan dirinya. Dan kufurkan ni'mat Allah akhirnya boleh menjadikan seseorang menolak dan melupakan peranan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam hidup dan kehidupannya.

Akibat Tidak Mensyukuri Allah dan Ni'matNya.

Kita ambil satu contoh daripada kisah kaum bangsa Saba' penduduk Kota Ma'rib di Yaman pada kurun-kurun yang terdahulu sebelum zaman junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Mereka adalah kaum bangsa yang beriman dan taat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Negeri mereka makmur menjadikan mereka hidup sejahtera, aman damai dan sentiasa mendapat rahmat keampunan Allah.

Mereka mengatur kehidupan dengan baik bahkan dikatakan juga sangat mengambil berat tentang pembangunan yang seimbang dengan menjaga alam sekitar. Kerana itu dikatakan mereka hidup sihat, menikmati kekayaan negeri yang hasil mahsulnya mensejahterakan penduduk.

Mereka bangunkan ampangan besar, masyhor dengan namanya *Sad ul-Ma'rib* yang airnya dialirkan dengan baik ke merata wilayah negeri menjadikan buminya subur. Hasilnya menjadikan negeri bertambah makmur, penduduk hidup bahagia dalam aman dan sejahtera.

Itulah kaum bangsa dan negeri yang disebutkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai "بَلَدٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ" dalam surah Saba' ayat 15 dan seterusnya ayat 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 yang menyebutkan keruntuhan negeri mereka dan kehancuran kaum bangsa mereka akibat balasan azab yang ditimpakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ ۖ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ ۚ بَلَدٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Mafhumnya: Demi sesungguhnya bagi penduduk Saba' (di Yaman) ada satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) terdapat di tempat tinggal mereka iaitu dua kebun (yang luas lagi subur, sebuah) di sebelah kanan dan (sebuah lagi) di sebelah kiri. (Lalu dikatakan kepada mereka:) "Makanlah daripada rezeki (yang dikurniakan) Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. (Negeri kamu ini ialah) negeri yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun".

فَاعْرَضُوا فَاَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِىْ اُكُلٍ خَمْطٍ وَّاَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّنْ سِدْرٍ قَلِيْلٍ ﴿١٧﴾

Mafhumnya: "Maka mereka berpaling ingkar lalu Kami menghantarkan kepada mereka banjir besar dan Kami menggantikan dua buah kebun mereka itu dengan kebun (yang ditumbuhi) pohon-pohon yang pahit buahnya dan pohon atsl (sejenis pohon cemara yang jarang berbuah) serta sedikit pohon bidara".

ذٰلِكَ جَزَيْنٰهُمْ بِمَا كَفَرُوْا ۖ وَهَلْ نُجَازِيْ اِلَّا الْكَافِرَ ﴿١٨﴾

Mafhumnya: "Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang sangat kufur".

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ الْقُرَى الَّتِي بَرَكْنَا فِيْهَا قُرًى ظُهْرَةً وَقَدَرْنَا فِيْهَا السَّيْرَ ۖ سِيرُوا فِيْهَا لَيَالٍ وَّاَيَّامًا ؕ اٰمِنِيْنَ ﴿١٩﴾

Mafhumnya: "Dan Kami telah menjadikan di antara tempat tinggal mereka itu (di negeri Yaman) dengan bandar-bandar (di negeri Syam) yang Kami berkati (dengan kemakmuran), beberapa buah bandar yang berdekatan dan Kami menentukan jaraknya perjalanan di antaranya (serta dikatakan kepada mereka:) Berjalanlah kamu di bandar-bandar itu malam dan siang dalam keadaan yang aman".

فَقَالُوْا رَبَّنَا بَعْدَ بَيْنِ اَسْفَارِنَا وَظَلَمُوْا اَنْفُسَهُمْ فَجَعَلْنَاهُمْ اَحَادِيْثَ وَمَزَقْنَاهُمْ كُلَّ مُمَزَقٍ ۚ اِنَّ فِيْ ذٰلِكَ لَاٰيٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُوْرٍ ﴿٢٠﴾

Mafhumnya: Maka mereka berkata (dengan sombong): Ya Tuhan Kami! Jauhkanlah jarak perjalanan kami (di antara sebuah bandar dengan yang lain), dan mereka (dengan itu) telah berlaku zalim kepadadiri mereka sendiri, maka Kami menjadikan mereka sebagai bahan perbualan serta Kami menghancurkan mereka sehancur-hancurnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi setiap orang yang penyabar lagi banyak bersyukur”.

وَلَقَدْ صَدَقَ عَلَيْهِمْ إِبْلِيسُ ظَنَّهُ فَاتَّبَعُوهُ إِلَّا فَرِيقًا مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

Mafhumnya: “Dan demi sesungguhnya iblis telah (dapat) membuktikan kebenaran sangkaannya terhadap mereka maka mereka mengikutnya melainkan sebahagian daripada orang-orang yang beriman (yang tidak terpedaya kepada hasutannya)”.

وَمَا كَانَ لَهُ عَلَيْهِمْ مِّن سُلْطَانٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يُّؤْمِنُ بِالْآخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا فِي شَكٍّ وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَفِيزٌ ﴿١٢١﴾

Mafhumnya: “Dan (sebenarnya) iblis itu tidak ada kuasa terhadap mereka melainkan (kuasa itu Kami berikan) hanya untuk Kami membezakan antara siapa yang beriman kepada hari Akhirat dengan siapa yang ragu-ragu terhadapnya. Dan Tuhanmu Maha Mendengar atas tiap-tiap sesuatu”.

Ringkasnya: Sebegitu lama kaum bangsa Saba’ itu bernegara “بَلَدُهُ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ”, menikmati kemakmuran dan keamanan. Turun temurun, generasi demi generasi sampailah ke suatu zaman kemunculan generasi baharu yang mewarisi kemakmuran dan keamanan negeri namun mereka adalah generasi yang sudah jauh berjarakan dengan generasi nenek moyangnya.

Tidak sahaja berjarakan dari hitungan zaman bahkan generasi baharu negeri Saba’ itu jauh bertolak daripada pegangan keimanan generasi terdahulu datuk nenek mereka.

Jadilah mereka generasi yang maju dan mewah yang tenggelam dalam ni’mat kemewahan dan kemajuan yang mereka lupakan sebagai ni’mat Allah. Pada tahap itulah mereka melonggarkan pegangan keimanan kepada Allah, tidak seperti generasi datuk nenek mereka.

Kelonggaran pegangan keimanan kepada Allah itu akhirnya menjadikan mereka lupa daratan. Hidup mewah bernaftu nafsi, mementingkan kaum keluarga dan diri sendiri.

Dalam kemewahan terdapat pula ketidak-seimbangan antara yang kaya raya dengan yang miskin merana. Menimbulkan perpecahan yang menjejaskan keamanan dan ketenteraman.

Mereka mewarisi negeri yang makmur dan aman. Negeri yang mendatangkan kesejahteraan kepada penduduknya. Negeri yang dibangun dan dipertahankan dengan jayanya oleh datuk nenek mereka yang beriman dan mematuhi ajaran-ajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Namun sebaliknya generasi baharu yang maju jaya dan juga makmur sejahtera itu tidak menyedari kemajuan dan kejayaan, kemakmuran dan kesejahteraan yang mereka ni'mati itu adalah ni'mat anugerah Allah untuk ditaati ajaran-Nya, untuk disyukuri ni'mat anugerah-Nya. Mereka tenggelam dalam ni'mat kemajuan dan kemakmuran sehingga lupakan Allah.

Mereka melihat kemajuan dan kemakmuran yang mereka nikmati semata-mata adalah hasil usaha mereka. Mereka mungkin generasi yang berilmu dengan kecekapan merancang dan melaksanakan pembangunan sehingga membawa hasil yang lebih baik.

Tetapi kerana telah melonggarkan pegangan kepada Allah mereka melihat semua kemakmuran tidak kena mengena dengan Allah dan tidak ada hubungannya dengan apa yang dinamakan ni'mat Allah.

Begitulah generasi baharu kaum bangsa Saba' itu mengkufuri ni'mat Allah. Begitu sekali sombongnya lupakan Allah punca dan sumber segala ni'mat.

Ya! Pada zaman generasi yang lupa daratan itulah runtuhnya *Sad ul-Ma'rib*. Terjadinya tragedi banjir besar. Air melimpah tidak terarah menyebabkan banjir besar melanda negeri dan wilayah.

Ya! Pada zaman generasi yang kufur ni'mat itulah kemakmuran dan kesejahteraan bertukar kepada kesangsaraan. Penduduk yang kukuh bersatu padu akhirnya berpecah belah. Berpindah-randah atau menjadi pelarian ke wilayah-wilayah di selatan Semenanjung Arab sampai ke utaranya.

Sebegitu berisikonya kufur ni'mat, lupa daratan. Melupakan Allah yang ampunya ni'mat dan menganugerahkannya kepada hamba-hamba-Nya

dalam semua zaman beserta hikmah-hikmah-Nya mengikut kadar-kadar yang ditentukannya.

Itu akibat kufur ni'mat menyalahgunakan rezeki yang memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Bayangkan bagaimana pula akibat kufur ni'mat terhadap anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berupa kesihatan kepada individu, mesyarakat dan kaum bangsa. Bayangkan sahaja jika kita dan mesyarakat antarabangsa tidak mengambil berat tentang bahaya penyakit berjangkit seperti COVID - 19 yang masih melanda dunia sekarang. Dan betapa jika kita di negara kita tidak mengambil langkah-langkah pencegahan.

Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Dalam Kontek Negara Kita.

Dalam kontek ceramah ini iaitu mensyukuri kesihatan sebagai anugerah Allah kita mendapati betapa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kesal atas sikap ramai orang tidak mengambil berat ni'mat yang penting itu.

Tidakkah diantara ramai-ramai orang itu mungkin juga termasuk diri kita?.

Wallahu a'lam. Mungkin sahaja. Kita serahkanlah kepada masing-masing menilai diri sendiri. Sejauh mana dan di tahap apa kita dalam kontek sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang kesal, walang malah dukacita dan kecewa dengan sikap ramai orang yang tidak memanfaatkan ni'mat sihat atau kesihatan itu yang membawa kepada makna tidak mensyukuri ni'mat anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Khusus dalam kontek melupakan ni'mat sihat atau kesihatan itu, apakah negara kita Brunei Darussalam tidak menganggapnya sebagai ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk disyukuri?.

Mengenai soalan ini biarlah cepat saya menjawabnya bahawa negara kita Brunei Darussalam adalah mensyukuri ni'mat kesihatan itu sebagai anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dalam tindakan dan kenyataan adalah jelas dan terang bahawa negara kita Brunei tidak mengkufuri ni'mat kesihatan itu.

Dari aspek menghargakan ni'mat Allah, negara kita mensyukurinya dengan mengadakan perkhidmatan kesihatan. Ianya adalah sebahagian

daripada dasar kerajaan yang menagambil berat kebajikan rakyat yang membawa kepada kesejahteraannya.

Ini adalah sesuai dengan fahaman Islam bahawa kesihatan itu adalah keperluan asasi manusia, bukan perkara *luxury*, dan sesuai juga dengan kefahaman tentang kesihatan dari rumusan dalam *preamble* Konstitusi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*W.H.O*) sejak tahun 1947 bahawa kesihatan adalah hak seseorang dalam hidupnya.

Untuk memenuhi tujuan-tujuan supaya seseorang dapat menikmati kesihatan itu maka kerajaan Brunei yang berpemerintahan beraja khasnya dalam masa pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul 'Alam, Sultan Dan Yang Di-Pertuan ke-28 (1950 – 1967) telah *mengambil punggur ke hadapan* tidak sahaja memperkenalkan perkhidmatan kesihatan bahkan menjadikannya percuma yang dapat diakses oleh sekalian rakyat. *Allahu Akbar!*

Perkhidmatan-perkhidmatan bagi kesejahteraan rakyat dalam ruang lingkup kebajikan khasnya sangat diberatkan oleh Al-Marhum itu. Kalimat '*kebajikan*' adalah mercu tanda utama dalam rangkaian ungkapan sya'er Al-Marhum *Tokoh Sastera Islam Negara* itu, antaranya dalam dua rangkap berikut:

*Masa beralih zaman beredar
kalanya terang kalanya pudar
renungan hendaknya laila disedar
KEBAJIKAN sekurang-kurangnya sekadar-kadar*

*Wahai anakanda gemala hati
cahaya mata ayahanda sejati
anakanda ayah yang bijak mengerti
yang bertugas ke arah KEBAJIKAN mesti*

Mengenai perkara dan hal ini kita difahamkan dan percaya dengan penuh yakin bahawa dasar perkhidmatan kesihatan percuma dalam ruang lingkup perkhidmatan kerajaan untuk mensejahterakan hidup rakyat itu adalah dimungkinkan oleh hasil negeri daripada pengeluaran minyak di Seria. Dalam masa pemerintahan Al-Marhum itu Brunei dikira negeri kaya, mampu melangsaikan hutangnya kepada Negeri-Negeri Selat di Tanah Melayu sewaktu Brunei miskin dan kehidupan rakyatnya susah. Al-Mrhum berusaha menggunakan kekayaan hasil minyak untuk mensejahterakan rakyat menerusi bukan sahaja perkhidmatan kesihatan percuma malah juga

perkhidmatan pelajaran percuma dan program-program sosial, kebajikan dan kemasyarakatan lainnya.

Dasar sedemikian itu boleh dikatakan sebagai dasar pengagihan merata kekayaan negeri berupa rezeki Allah *Subhanahu wa Ta'ala* demi kesejahteraan rakyat.

Perkhidmatan Kesihatan dan Pelajaran Saling Berdampingan.

Apa yang penting disebutkan ialah betapa rancangan perkhidmatan kesihatan dan pelajaran percuma itu saling berdampingan seiringan. Ia menjadi pemangkin hasrat menjadikan negeri Brunei ketika itu dapat membangun dengan rakyat yang sihat dan berpelajaran.

Satu contoh boleh disebutkan: Generasi anak Brunei yang bersekolah Melayu dan Sekolah Inggeris dalam tahun lima puluhan (peringkat rendah dan menengah bawah) tentu masih ingat ada satu skim minum susu telah diperkenalkan yang diberikan kepada semua murid.

Skim Minum Susu itu dalam pelaksanaannya sangat kelihatan sederhana dan biasa – biasa sahaja. Susu dimasak oleh pekerja sekolah dengan bantuan guru-guru. Semantara masing-masing murid meminumnya dengan diberikan cawan besi yang dijaga sendiri dibalik ke rumah. Sangat bersahaja tetapi ia sangat penting dan berharga bagi murid-murid dan juga guru-guru mereka.

Lawatan Menteri Kesihatan
ke sekolah di Daerah Tutong dan Belait, tahun 2018



Skim atau rancangan minum susu itu khabarnya adalah bagi memenuhi nasihat pihak berkenaan kesihatan luar negeri tentang perlunya murid-murid sekolah yang lahir dalam zaman perang dunia kedua dan selepasnya supaya diberikan minuman yang berkhasiat.

Itu menurut khabarnya. Tidak jelas pihak luar negeri itu siapa atau apa. Namun yang jelasnya skim atau rancangan minum susu yang juga kepada minuman milo itu dilaratkan kesemua sekolah sampai ke luar kampung-

kampong pedalaman. Beberapa tahun kemudian skim itu dijadikan skim permakanan sekolah (*School Feeding Scheme*) yang masih ada sampai sekarang. Tentu tujuannya sama iaitu bagi memberi murid-murid dan penuntut-penuntut makanan dan minuman yang berkhasiat demi memastikan kesihatan mereka.

Skim permakanan sekolah di sekolah Kg Kasat dan Kg Putat



Semoga sekarang ini tujuan untuk memberi murid makan minum berkhasiat dalam skim permakanan sekolah itu tetap diambil kira dan sentiasa diperhatikan dalam pelaksanaanya.

Satu contoh lagi ialah: *Penjagaan Kesihatan Kanak-Kanak Damit dan Ibu-Ibu Mengandung.* Pada tahun awal lima puluhan itu juga sebuah klinik didirikan di Kampong Ayer, antara Kampong Burong Pingai dengan Kampong Lurong Dalam Pemukat (kerana letaknya lebih dekat dengan Kg Lurong Dalam Pemukat maka ia disebut *Klinik Lurong Dalam*. Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah berangkat merasmikannya pada 21 Disember 1954.



Lokasi Klinik Lurong Dalam yang berkenan disempurnakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada 21 Disember 1954.



Apa yang ingin dijelaskan di sini ialah fungsinya. Di klinik itulah wanita-wanita terdiri daripada ibu-ibu mengandung di Kampong Ayer di bawa ke menjalani pemeriksaan kesihatan diri mereka dan kesihatan janin kandungan mereka. Prosedure itu *popular* dikalangan penduduk dengan sebutan *berurut*. Dalam tempoh penjagaan itu mereka dibekalkan susu tin dan selepas bersalin bekalan susu itu diuntukkan untuk kanak-kanak damit dilahirkan sebahagian daripada penjagaan kesihatan mereka. Prosedure penjagaan kesihatan mereka itu disebut *berinjek dan bertimbang*.

Dan satu lagi contoh: *Perkhidmatan Doktor Terbang*. Untuk melarutkan jangkauan penjagaan kesihatan rakyat sampai kepada penduduk di kampong-kampong pedalaman yang sukar didatangi dengan jalan raya maka diadakanlah program *Doktor Terbang*.

Dari semasa ke semasa pengumuman melalui siaran radio dibuat untuk memberitahu hari dan waktu giliran *Doktor Terbang* akan berada di sesebuah kampong. Pada hari yang ditentukan itu anak-anak kampong lelaki dan perempuan - tua muda dan kanak-kanak - dikehendaki berkumpul di bangunan Balai Raya (jika ada) atau di rumah ketua kampong dan di rumah panjang.

Tiga contoh yang disebutkan adalah pada membuktikan kesungguhan kerajaan melaksanakan dasar perkhidmatan kesihatan percuma yang boleh diakses oleh sekalian rakyat supaya keperluan mereka dari segi kesihatan dipenuhi.

Dalam tempoh hampir tujuh puluh tahun (1950 – sekarang) negara telah menyaksikan perkhidmatan kesihatan yang berkembang dan maju dari segi infrastruktur dan dari aspek jenis-jenis perkhidmatan atau rawatan. Kita juga mempunyai sebilangan doktor-doktor terdiri daripada anak-anak tempatan - lelaki dan perempuan - yang ada diantaranya bertaraf doktor pakar.

Semua itu membanggakan yang apabila dilihat dari sudut pandang ni'mat dan rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pastilah wajib pula disyukuri.

Dan kesyukuran kita kepada Allah juga meliputi rasa terima kasih kerana kita bernegarakan negara Brunei Darussalam dengan pemerintahan berajanya yang dipimpin dan diterajui dengan bijaksana oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, *Wali al-Amri* kita dalam bernegara dan berpemerintahan beraja.

Infrastruktur dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

The map shows the Brunei Muara District. A red dot marks the location of Gadong, which is labeled 'GADONG' in a red box. A blue dot marks the location of Muara Mueh, which is labeled 'Muara Mueh' in a blue box. A line connects the two locations, indicating a route or distance.



Pusat-Pusat Kesehatan



1992 1996 2002 2010



2012



2013



2016

Daerah Tutong



1990



2002



2002



2012

Daerah Belait



2000



2002



2002

Daerah Temburong



1987

Hasilnya tentulah yang dapat dilihat betapa rakyat yang terpenuhi keperluan kesihatan mereka itu melahirkan pula zuriat keturunan yang merupakan generasi yang sihat. Dengan itu dapat menikmati kehidupan yang baik sihat afiat dan sejahtera. Dan itulah seterusnya generasi penerus rakyat negara Brunei Darussalam yang bertuah ini.

Alhamdu Lillah, kita memuji Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas rahmat dan ni'mat-Nya memberkati kita dengan perkhidmatan kesihatan yang membanggakan.

Pencapaian kemajuan negara dari segi kesihatan setakat ini dapat diukur daripada pengiktirafannya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. W.H.O. mengisytiharkan negara kita bebas dari *malaria* sejak tahun 1987, bebas dari *poliomyelitis* sejak tahun 2000, bebas dari *measle* sejak tahun 2015, dan bebas dari *rubella* sejak tahun 2018.

Dan banyak lagi pencapaian yang menandakan kejayaan perkhidmatan kesihatan negara kita dalam aspek-aspek seperti *Jangka Hayat* dengan

hitungan atau kiraan purata 77.4 tahun (lelaki 76.4 dan perempuan 78.4 tahun).

Aspek *Kadar Kematian Anak Damit* menyaksikan penurunan yang ketara daripada set 17.5 pada tahun 1980 (hampir 40 tahun yang lalu) kepada 8.4 bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 2019.

Dan aspek *Kematian Ibu Mengandung* adalah pada kadar yang rendah iaitu 0.3 bagi setiap kelahiran hidup (sasaran W.H.O kurang dari 0.7 bagi setiap kelahiran)

Sementara dari aspek *Liputan Imunisasi* negara kita adalah sebanyak 95%, lebih 5% daripada sasaran W.H.O (90%).

Dan dalam kontek *Mellenium Development Goals* dapat pula kita petik satu pernyataan dalam dokumen *Voluntary National Review 2020* yang kita buat iaitu akan memberi keutamaan untuk meneruskan dan memastikan kebajikan untuk mensejahterakan rakyat di semua peringkat dengan yang demikian tiada siapa pun yang akan tercicir dari program-program kebajikan itu.

Satu hal yang penting disebutkan untuk sentiasa diperhatikan ialah dasar mensejahterakan rakyat itu adalah menjadi sebahagian *azam politik* yang terkandung dalam *Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan*.

Watikah itu adalah naskhah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 haribulan Januari 1984 iaitu bahawa "*negara Brunei Darussalam akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari camur tangan dari luar negeri.*"

Titah pemasyhuran itu disusuli dengan laungan takbir *Allahu Akbar* oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adiul Khairi Waddien dan disambut dengan bergemuruh oleh sekalian hadirin di Perhimpunan Menyambut Kemerdekaan yang dilangsungkan di Taman Omar 'Ali Saifuddien pada tengah malam menjelang detik-detik awal 1 Januari 1984.

Dengan Niat Murni.

Suatu hal yang patut disedari bahawa inisiatif kerajaan mengadakan perkhidmatan kesihatan dengan menjadikannya percuma dan dapat diakses oleh sekalian rakyat itu adalah dengan niat murni untuk mensejahterakan rakyat. Begitulah juga perkhidmatan-perkhidmatan pelajaran dan skim-skim kebajikan dan subsidi harga bahan-bahan keperluan tertentu.

Niat murni sedemikian itu kekal malah diketarakan dan diperkasakan lagi oleh kerajaan kita yang diterajui dan dipimpin dengan bijaksana oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hssanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan, *Wali al-Amri* kita dalam bernegara dan berpemerintahan beraja.

Niat murni itu didukung oleh hasil mahsul kerajaan atau *revenue*nya daripada industri minyak. Ia menjadikan Brunei sejak tahun lima puluhan itu mampu menyediakan biaya perkhidmatan-perkhidmatan sosial - kemasyarakatan percuma disertai dengan dasar pemberian *subsidi* harga bahan-bahan keperluan asasi. Dan bersignifikan juga dengan dasar penghantaran penuntut belajar ke luar negeri bagi belajar bidang-bidang ilmu yang mereka layak ketika itu termasuk belajar ilmu-ilmu ugama.

Kerana itu kita menganggapnya sebagai rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan berkat mempergunakan hasil mahsul negeri daripada perusahaan minyak itu dengan sebaik-baiknya, khasnya untuk mendukung niat murni melaksanakan dasar-dasar mensejahterakan rakyat, menjamin keamanan dan ketenteraman hidup antara sekalian rakyat dan penduduk saling harmonis, di bawah kepimpinan pemerintahan beraja yang adil berdaulat, menaungi nusa, memimpin rakyat, kekal bahagia. Iaitu sebagaimana dilirikkan dalam lagu kebangsaan kita.

Yang sedemikian itu terjadi dan berkekalan sampai sekarang - dan in syaa Allah sampai ke masa hadapan yang panjang - adalah kerana negara kita dipelihara dan mendapat perlindungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, dengan

sebab mensyukuri-Nya dan mengingat-Nya serta bepegang kepada ajaran-Nya. Kita mengingat Allah dan mensyukuri ni'mat-Nya yang banyak tidak terkira salah satu daripada ni'mat kesihatan sebagai anugerah-Nya.

Negara Zikir Ciri Utama 'Baladun Toyibatun Warabbun Ghafur'.

Mengingat Allah dan mensyukuri ni'mat-Nya sedemikian adalah menepati makna bahawa kita sedang berada dalam sebuah *negara zikir*. Dan *zikir ingatkan Allah* dalam bernegara dan berpemerintahan adalah ciri utama bagi menepati makna *negara* "بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ".

Dengan adanya ciri sedemikian itu ia akan memberi kekuatan kepada Brunei dan menjadi pemangkin kepada generasi demi generasinya untuk selamat mengharungi zaman, menempuh dan mengatasi cabarannya, meneruskan dan meningkatkan pembangunan dan kemajuannya, atas landasan yang kukuh, dalam calak acuannya sebagai *Darussalam*, negara aman sejahera, rakyat dan rajanya sentiasa dilindungi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kekal sehaluan, mendapat keredhaan dan keampunan-Nya di dunia dan di akhirat, *hari kandila*.

Brunei Negara Bertuah.

Brunei negara kita ini benar-benar bertuah.

Tuah itu bermaksud *bahagia, untung*. Maka negara kita disebut negara bertuah maksudnya Brunei adalah *negara bahagia, negara beruntung*.

Apa dia dan dari mana sebenarnya *tuah – untung – bahagia* Brunei ini?

Kita jawab di sini: *tuah – untung – bahagia* negara kita Brunei ini sebenarnya ialah apa yang kita namakan *rahmat* dan *berkat*. Tentu datangnya dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Mengapa dan bagaimana?

Kita katakan sahaja begini: Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat 96 surah Al-A'araf:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا
فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

menjanjikan sambil memberi amaran bahawa sekiranya sebuah negeri – dan penduduknya – itu beriman dan bertakwa tentulah Allah akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi. Sebaliknya jika mereka mendustakan rasul-rasul yang diutus Allah untuk memimpin mereka beriman dan takwa dengan menuruti ajaran-ajaran Allah maka mereka akan ditimpaa azab sangsara disebabkan perbuatan zalim mereka menolak keimanan kepada Allah dan melakukan kezaliman.

Oleh itu jelas bahawa Brunei – negara dan kerajaannya – sejak lebih enam ratus tahun turun-temurun berpegang kepada Allah dengan mengimani-Nya dan mentaati ajaran-ajaran-Nya ke arah beramal soleh, takwa dan berkeadilan.

Dalam zaman modennya Brunei diberkati dengan anugerah rezeki dari perut buminya yang menjadi hasil mahsul negara yang dimanfaatkan dengan baik untuk mendukung niat murni mensejahterakan hidup rakyat.

Dan itulah bukti jelas betapa kita mensyukuri Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan mengingati-Nya untuk ditaati dan menghargakan anugerah ni'mat-Nya untuk dimanfaatkan dengan baik menurut yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* redhai berasaskan niat murni.

Ternyata pula kemudian betapa hasil mahsul negeri yang disyukuri dengan memanfaatkannya secara baik dan diredhai oleh Allah itu mendatangkan nilai tambah menerusi perindustrian minyak yang berkembang dan rancangan mempelbagaikan ekonomi. Maka tepat sekali seperti janji Allah:

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Mafhumnya: “Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'matKu) tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azabKu sangat keras”.

[Surah Ibrahim: 7]

Menepati Prinsip Syari'ah.

Inisiatif negara dan kerajaan mengadakan perkhidmatan kesihatan khasnya dan lain-lain perkhidmatan sosial kebajikan dan kemasyarakatan itu adalah penting untuk disyukuri dengan penuh keinsafan dan kesedaran. Tambahan pula kesihatan adalah merupakan *keperluan asasi seseorang*, bukan

keperluannya kepada perkara *luxury* sebagaimana menurut syari'ah Islam. Dan dikatakan juga sebagai *hak hidup setiap individu* menurut konsep W.H.O. Maka tepatlah negara dan kerajaan kita mengadakan perkhidmatan kesihatan itu apatah lagi menjadikannya percuma untuk diakses oleh rakyat.

Inisiatif negara dan kerajaan mengadakan perkhidmatan kesihatan untuk rakyat dan lain-lain perkhidmatan itu adalah menepati kehendak prinsip syari'ah mengenai tanggungjawab *al-Imam* iaitu *ketua negara* atau *ketua kerajaan* terhadap *ra'iyah* iaitu *rakyatnya*.

Masing-masing diumpamakan sebagai *raa'in* dan *ra'iyah*. *Raa'in* iaitu *al-Imam* dipertanggungjawabkan memelihara baik dan memastikan ehwal kebajikan *ra'iyah* iaitu *rakyatnya*.

Prinsip tanggungjawab ini berdasarkan hadits riwayat al-Imam Bukhari dari Ibnu 'Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا *الإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ*

Prinsip yang sama ini dari segi pelaksanaannya menjadi satu perkhidmatan oleh kerajaan ialah seperti riwayat Al-Imam Muslim dari riwayat Jabir menyatakan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri mendatangkan *tabib* bagi merawat seorang Sahabat bernama *Aby Ibni Ka'ab* yang mengidap satu penyakit dan *tabib* berkenaan mengubatnya dengan procedure pembedahan.

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى أَبِي بِنِ كَعْبٍ طَبِيْبًا، فَقَطَعَ مِنْهُ عِرْقًا، ثُمَّ كَوَاهُ عَلَيْهِ.

Tafsirnya: Dari Jabir ia berkata: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengutus kepada Ubay bin Ka'ab seorang tabib, lalu tabib itu memotong nadinya dan dipanasi dengan benda yang dipanaskan (kay).

[Hadith riwayat Imam Muslim]

Begitu pula pada zaman pemerintahan Sayidina 'Umar *Radhiallahu 'anhu* ada diriwayatkan oleh Al-Hakim dari riwayat Zaid bin Aslam dari ayahnya yang menceritakan sendiri ketika beliau (ayahnya itu) jatuh sakit Sayidina 'Umar *Radhiallahu 'anhu* telah menghantar seorang *tabib* merawatnya dengan cara rawatan yang menghendaknya berpantang makan yang ditentukan, dan hal itu dipatuhinya sehingga terpaksa menahan lapar.

Maka tindakan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan Khalifah Sayidina Umar itu menjadi prinsip syari'ah tentang tanggungjawab negara dan kerajaan memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Prinsip itu terlaksana

dengan baik di negara kita menerusi program-program dan skim-skim perkhidmatan kerajaan oleh berbagai jenteranya iaitu kementerian-kementerian dan jabatan-jabatannya atau oleh agensi-agensi khas yang ditubuhkan yang mana dalam bidang kesihatan ialah menerusi Kementerian Kesihatan dan agensi-agensinya.

Oleh itu sangat tepat dikatakan bahawa perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan negara kita itu adalah menepati *maqasid syari'ah* iaitu matalamat utama syari'ah atau *syariah prime goal* dalam perkara *menjaga nyawa*. Apa lagi ianya diberikan secara percuma dan boleh diakses oleh sekalian rakyat. Dan dalam jangkawan bidang kesihatan yang luas itu meliputi kesihatan fizikal dan mental maka termasuklah lagi di antara *maqasid syariah* dalam perkara *menjaga ugama (akidah)* dan *menjaga 'akal*.

Perkhidmatan Kesihatan Dalam Maqasid Syari'ah.

Maklumat terakhir yang diperolehi setakat ini mendapati tiada terdapat definisi sihat atau kesihatan dalam undang-undang kita.

Namun tujuan dan maksud sihat dan kesihatan itu adalah tercakup atau termasuk dalam rangkuman beberapa undang-undang negara kita mengenai kesihatan awam, kelestarian alam sekitar, kesejahteraan umum dan keselamatan nyawa dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal.

Ia dirangkumi dalam beberapa Akta dan Perintah berikut:

- *Public Health (Food) Act, (Penggag 182)*
- *Infectious Diseases, (Penggag 204)*
- *Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005*
- *Perintah Kesihatan Mental, 2014*
- *Perintah Autoroti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan, 2018*
- *Radiation Protection Order, 2018*
- *Poisons Act, (Penggag 113), dan*
- *Intoxicating Substances Act, (Penggag 161)*

Yang mana kesemua Akta dan Perintah yang disebutkan itu pada dasarnya adalah bertujuan menjaga kesihatan umum, fizikal dan mental; melindungi dari penyakit terutamanya penyakit yang berjangkit, mengawal keselamatan makanan, minuman dan barang-barang gunaan dari dicemari oleh bahan-bahan yang boleh menjejaskan kesihatan. Begitu juga melindungi dari pencemaran alam sekitar.

Kita ambil sahaja satu dua contoh.

Misalnya *Akta Kesihatan Awam (Makanan) - Public Health (Food) Act, (Penggal 182)* antaranya mengandungi kuasa Menteri iaitu Menteri Kesihatan menegah pengimpotan, pengiklanan, atau penjualan apa-apa perkakas yang menurut pendapatnya membahayakan nyawa atau *kesihatan*.

Begitu juga kuasa Pegawai Permakanan (*food officer*) untuk memusnahkan sebarang makanan yang dianggapnya *membahayakan kesihatan* atau tidak sesuai untuk penggunaan manusia.

Yang menarik mengenai Akta ini ialah terdapat di dalamnya peruntukan berhubung dengan syarat-syarat bagi penggunaan perkataan "*Halal*", "*Ditanggung Halal*" atau "*Makanan Islam*". Ini menandakan bahawa undang-undang kesihatan negara ini dalam perkara permakanan termasuk minuman, perkakas dan pengiklannya adalah melindungi orang-orang Islam dari *mengkonsium* dan menggunakan makanan termasuk minuman dan apa jua perkakas yang tidak dijamin kehalalannya sekali pun makanan dan minuman serta perkakas itu kesemuanya baik dan *tidak membahayakan nyawa dan kesihatan*.

Ini bertepatan dengan hukum syarak yang mensyaratkan dalam perkara permakanan bukan sahaja setakat *boleh dimakan dan tidak membahayakan nyawa atau kesihatan* bahkan mestilah juga halal untuk menepati artikata *halalan toyiban* dalam firman Allah ayat 168 Surah Al-Baqarah, ayat 88 Surah Al-Maaidah, dan ayat 16 Surah An-Nahl. Dalam kesemua ayat itu mengandungi perintah supaya apa yang akan dimakan hendaklah *bahan-bahan yang halal lagi baik*. Masing-masing ayat berkenaan mengandungi hikmahnya yang bertujuan:

(1) Memelihara manusia daripada bersikap rakus *mengkonsium* apa sahaja sekali pun permakanan yang baik dan nyaman, enak tanpa mengira apa ia permakanan itu yang dihalalkan atau tidak. Dan Allah mensifatkan sikap rakus sedemikian itu adalah menuruti nafsu syaitan.

(2) Memelihara orang-orang yang beriman supaya bertakwa kepada Allah dalam artika mengawal diri sentiasa dalam batas-batas ajaran Allah – berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran, iaitu *الْأَمْرَ بِالْمَعْرُوفِ، وَالنَّهْيَ عَنِ الْمُنْكَرِ*

(3) Memelihara manusia supaya mensyukuri rezeki sebagai ni'mat anugerah Allah. Tidak mengukfurinya dalam makna mensia-siakannya.

Maka *Akta Kesihatan Awam (Makanan) - Public Health (Food) Act, Penggal 182* itu adalah menepati kehendak syarak atau patuh syarak (*syariah compliance*).

Contoh lain ialah *Akta Penyakit Berjangkit - Infectious Diseases Act*. yang merupakan suatu undang-undang untuk mencegah ujudnya penyakit berjangkit dan penularannya di negara ini, dan jangkitannya dari negara ini ke luar negeri, dan seterusnya memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan.

Dalam Akta ini ada memperuntukkan kuasa-kuasa pihak berkenaan Kementerian Kesihatan iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan (*Diretor-General of Medical Services*) antaranya:

- *Menghendaki mana-mana orang yang menghidap penyakit, disyaki menghidap, pembawa penyakit berjangkit atau kenalan (contact) kepada penghidap penyakit berjangkit untuk hadir bagi pemeriksaan perubatan atau rawatan perubatan,*
- *Dengan pemberitahuan secara bertulis, menghendaki pemilik-pemilik atau penghuni mana-mana premis atau kapal untuk membersihkan atau membasmi kuman di dalamnya dengan cara dan dalam masa yang ditentukan dalam pemberitahuan itu, dan*
- *Menegah perhimpunan dan hiburan awam.*

Jelas sekali peruntukan undang-undang *Akta Penyakit Berjangkit – Infectious Diseases Act*. itu dibuat bagi memberi kuasa kepada pihak berkenaan mencegah wujud dan merebaknya penyakit berjangkit di negara ini serta mengawal dari penularannya ke luar negeri. Dengan kuasa undang-undang itulah langkah-langkah yang perlu dan wajar dibuat seperti yang di alami pada masa COVID-19 ini yang kita sebut sebagai SOP.

Kita ketahui dan fahami bahawa ajaran agama kita pun memerintahkan supaya penyakit - apatah lagi penyakit berjangkit - hendaklah dicegah dan dikawal. Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* melarang daripada mendatangi tempat atau di sesuatu wilayah yang diketahui ada wabak penyakit dan orang yang berada ditempat wabak itu sedang merebak hendaklah menahan diri daripada keluar meninggalkannya.

Artinya apa-apa juga langkah yang perlu diambil bagi mencegah jangkitan dan penularan wabak seperti memerintahkan atau menguatkuasakan

peraturan yang dibuat di bawah Akta seperti 'lock-down' menurut peringkat-peringkat keperluan dan kewajarannya adalah menepati kehendak syarak dan wajib dipatuhi.

Dalam Parametar Melaksanakan Syari'ah.

Oleh itu walaupun tiada takrifan atau definisi *sihat* dan *kesihatan* disebutkan dalam undang-undang kita di Brunei namun kenyataannya ialah negara kita ada undang-undang yang bertujuan memelihara kesihatan rakyat dan penduduk supaya kita ini terhindar dari ancaman penyakit, supaya kita sihat fizikal dan mental, dan begitulah juga nyawa kita selamat.

Maka semua itu menandakan bahawa kita di Brunei - kerajaan dan rakyat - mengambil berat soal kesihatan. Itu tanda kita menghargakannya dalam artikata memanfaatkannya dengan baik dan tidak melupakan kesihatan itu ni'mat anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang wajib disyukuri.

Dan kita di Brunei mengambil berat soal keselamatan nyawa. Kita mengambil berat tentang ancaman penyakit, keselamatan makanan dan minuman sehingga bukan sahaja menjamin ianya selamat untuk dimakan oleh manusia bahkan ianya hendaklah halal dan baik untuk dikonsumsi.

Semua ini mewajarkan kita untuk mengatakan bahawa dari segi konsep Islam tentang kesihatan dan tujuannya maka kita adalah berada dalam *parametar* melaksanakan kehendak syarak di mana kesihatan yang negara kita adakan dan usahakan adalah menepati *maqasid syari'ah* iaitu tujuan-tujuan utama syari'ah dalam aspek menjaga keselamatan nyawa termasuklah kewarasan akal dan kesihatan fizikal serta mental yang kita sebut keselamatan dan kesihatan rohani dan jasmani.

Dalam waktu yang sama kita sebagai rakyat dan penduduk diberikan kesedaran dan tanggungjawab menjaga kesihatan diri sendiri dan keluarga.

Kesimpulan dan Penutup.

Ceramah ini boleh diakhiri dengan kesimpulan ringkas iaitu:

- Memang tepat kesihatan itu adalah ni'mat anugerah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang wajar lagi wajib disyukuri. Mensyukurinya ialah dengan cara menjaganya dan memanfaatkannya, tidak mengabaikannya, tidak mensia-siakannya. Dan kita syukuri Allah yang menganugerahkannya itu dengan mengingati-Nya untuk diibadati dan ajaran-ajaranNya ditaati.

- Dalam konteks bernegara dan berkerajaan kita mengatakan dengan yakin bahawa Brunei dan pemerintahan berajanya adalah melaksanakan kewajiban mensyukuri ni'mat kesihatan itu dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang percuma dan dapat diakses oleh sekalian rakyat.
- Inisiatif mengadakannya sedemikian itu adalah dengan niat murni untuk mensejahterakan rakyat di mana ia dimungkinkan mampu ditanggung biayanya oleh negara dari hasil mahsul kerajaan bersumber dari industri minyak, dimana hasil mahsul itu juga adalah ni'mat anugerah Allah yang disyukuri secara mengembangkannya sehingga mendatangkan nilai tambah seperti adanya sekarang dalam bidang ekonomi dan industri itu digunakan Kerajaan dan negara kita tanda kita mensyukurinya ajaran ni'mat anugerah Allah.
- Selaras dengan ini maka wajib pula kita syukuri negara dan pemerintahan berajanya yang dipimpin dan diterajui dengan adil bijaksana oleh Rajanya sebagai *Wali al-Amri* kita dalam bernegara dan berpemerintahan.
- Dan mensyukuri ni'mat kesihatan itu bagi kita sebagai individu ialah berusaha untuk sehat dan jagalah kesihatan untuk dipergunakan dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini kalau kita memerlukan perubatan dapatkanlah perubatan daripada perkhidmatan kesihatan yang ada, baikpun yang disediakan oleh kerajaan mahupun oleh perubatan swasta. Disamping itu berusaha juga mengamalkan bacaan-bacaan do'a dan zikir yang dipelajari dari sumbernya yang layak dan dipercayai.

Tidak salah kalau perlu berusaha mendapatkan rawatan dan menggunakan perubatan secara *Tibbun Nabawi* - juga dari kalangan yang layak lagi dipercayai. Tetapi perlu difahami bahawa rawatan dan perubatan *Tibbun Nabawi* itu bukanlah *alternatif* kepada perubatan modern sekarang.

Dan penting juga berwaspada daripada menerima gagasan fahaman yang menganggap perubatan dan rawatan modern sekarang *un-Islamic* dan menganggap ubat-ubat dalam rawatan perubatan modern adalah *racun* kepada kesihatan jasmani dan rohani dan wajib perlu dihindari.

Anggapan sedemikian dengan sendirinya memahami perubatan modern sekarang tidak Islami kerana bukan berasal daripada atau mengikut kaedah rawatan dan perubatan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi*

wasallam dan para Sahabat. Pada hal ada keterangan berhubung dengan amalan perubatan dan perawatan oleh Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan *para sahabat* tidak menolak keahlian *Tabib-tabib* yang mengamalkan perubatan yang tersedia dalam mesyarakat Arab dan lain-lain mesyarakat selama mana ia tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
28 Rabi'ulakhir 1442H / 14 Disember 2020

BIBLIOGRAFI

1. ***Mushaf Brunei Darussalam Dan Tafsirannya.***
2. Badaruddin Othman, ***Ilahi Selamatkan Brunei Darussalam.*** Terbitan Pusat Da'wah Islamiah, 2016.
3. Badaruddin Othman, ***Calak Bangsa.*** Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2018.
4. ***Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan,*** rujuk juga Badaruddin Othman, kertas ceramah ***"Meresapkan Konsep Melayu Islam Beraja"***, Jabatan Penerangan, 1985.
5. Prof. Tk. H. Ismail Jakub MA-SH, ***Ihya Alghazali Jilid II terjemahan Ihya 'Ululuddin,*** C.V. Faizan, Surabaya Indonesia, 1969.
6. Harun Yahya, ***Kaum-Kaum Yang Pupus,*** Saba Islamic Media.
7. Al-Hakim Al-Naisaburi, ***Al-Mustadrak 'ala ash-Shahihain.*** Dar al-Kutub al-'Alamiyah, Beirut. 1990.
8. ***Media Permata, Ristaan Sejarah Klinik Kampung Lurong Dalam.*** 23 Disember 2017.
9. Doktor Hussein Muhammad Fahmi As-Syafi'e. ***Al-Dalil Al-Mufahras Li Alfaaz al-Quran.*** Dar As-Salam, Mesir. 1998.
10. ***Al-Maktabah As-Syamilah*** (Computer Program File)
11. Jerry D. Gray ***Rasulullah Is My Doctor,*** Senengi Publishing, Jakarta, 2010.
12. Syaikh Dr. Muhammad Sulaiman Al-Asyqar, ***Zubdatut Tafsir,*** Darun Nafaa'es, Jordan.
13. M. Quraish Shihab, ***Tafsir Al-Misbah,*** Jilid 7. Terbitan Lentera Hati, Jakarta 2002.
14. ***Tafsir Al-Qurthubi,*** Jilid 9 (edisi Indonesia), Pustaka Azzam, Jakarta 2008.